

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM bukan niat memancing

Tajuk berita mengelirukan...

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak berniat memancing ahli-ahli PAS seperti yang digambarkan dalam tajuk berita, Berita Harian semalam.

Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Encik Jalaludin Haji Bahaudin berkata, tajuk berita yang disiarkan itu mengelirukan. Sebenarnya, Perdana Menteri tidak bermaksud demikian.

Berikut ialah kenya-

taan penuh yang dikeluarkan oleh Encik Jalaludin Bahaudin:

“Saya ingin merujuk kepada laporan dalam akhbar Berita Harian, Sabtu, 30 Oktober, 1982 bertajuk “Dr. M: Silakan Masuk UMNO. Semua anggota PAS dipelawa”.

“Tajuk berita tersebut adalah mengelirukan.

“Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, apabila diminta oleh wartawan untuk mengulas

mengenai spekulasi bahawa ada ahli-ahli PAS yang mungkin memasuki UMNO telah merujuk kepada kenyataan yang pernah dibuatnya dahulu, iaitu UMNO, sebagai sebuah parti Islam, memang sedia menerima PAS yang ingin memasuki UMNO.

“Tajuk berita yang berkenaan memberi gambaran bahawa beliau bertujuan memancing ahli-ahli dari PAS. Perdana Menteri tidak berniat demikian.”